

SATU TINJAUAN: KEPENTINGAN MUZIK SEBAGAI MATA PELAJARAN WAJIB DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN GURU

oleh

Chai Sheau Ming
Roseline Liu
Chong Pek Lin
Tan Ming Tang

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau (a) persepsi guru pelatih beropsyen muzik Maktab Perguruan Batu Lintang tentang kepentingan muzik sebagai mata pelajaran wajib dalam Kurikulum Pendidikan Guru, (b) tahap minat guru pelatih beropsyen muzik dan bukan beropsyen muzik terhadap muzik, dan (c) persetujuan mereka yang muzik harus ditawarkan sebagai satu mata pelajaran wajib di maktab. Borang soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data dan sampel kajian adalah terdiri daripada kesemua guru pelatih semester dua Kursus Diploma Pendidikan Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan guru pelatih beropsyen muzik semester dua (93.33%) berpendapat bahawa pendidikan muzik penting kerana (a) ia boleh menjadikan guru pelatih lebih yakin sebagai guru muzik pada masa akan datang dan (b) ramai (91.67%) berpendapat ia dapat memupuk semangat bekerjasama dalam aktiviti muzik. Juga didapati 88.11% guru pelatih semester dua meminati muzik dan 74.5% guru pelatih bukan beropsyen muzik bersetuju bahawa muzik harus ditawarkan kepada semua guru pelatih sebagai satu mata pelajaran wajib di maktab.

PENDAHULUAN

Pada tahun 1983, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diimplimentasikan di seluruh negara dan mata pelajaran muzik telah diwajibkan untuk semua murid sekolah rendah bermula dari tahun satu. Pada tahun 1989 sebagai kesinambungan program KBSR, KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) telah dilaksanakan di semua sekolah menengah. Malangnya, mata pelajaran muzik tidak termasuk dalam KBSM pada masa itu kerana sebabkan masalah kekurangan tenaga pengajar muzik. Tetapi pada tahun 1996 kesedaran tentang kepentingan muzik mula timbul dan beberapa buah sekolah menengah di Malaysia telah dipilih sebagai sekolah perintis mata pelajaran muzik KBSM.

Matlamat mata pelajaran muzik KBSM adalah untuk:

- (a) melahirkan pelajar yang berilmu, berkemahiran dan berpengalaman muzik,
- (b) membolehkan pelajar mempunyai disiplin dalam merekapipta muzik dan
- (c) membuat persembahan dan menikmati muzik

Kesemua ini akan membantu pembentukan insan yang mempunyai emosi seimbang, kreatif, inovatif dan inventif.

Sejarah Perkembangan Pendidikan Muzik Di Peringkat Maktab Perguruan

Pada tahun 1950-an, muzik telah diperkenalkan sebagai satu mata pelajaran penyuburan diri untuk pelajar di dua buah maktab perguruan yang telah diwujudkan di England, iaitu Malayan Teachers' College (MTC) di Kirby dan Brinsford. Pada penghujung tahun 1950-an, amalan ini telah dilaksanakan oleh hampir semua maktab perguruan dan pusat latihan guru yang lain seperti *Day Training Centres (DTC)* di Malaysia. Tujuan utama mengadakan pendidikan muzik ketika itu adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar maktab menghayati muzik.

Secara ringkasnya, muzik pernah ditawarkan kepada semua guru pelatih di semua maktab perguruan sebagai muzik penyuburan diri dari tahun 1950 sehingga 1993. Sepanjang tempoh ini kurikulum inti muzik telah melalui banyak perubahan. Pada masa itu rasional menawarkan muzik kepada guru pelatih ialah untuk mewujudkan satu masyarakat majmuk yang bersatu padu di Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, penghayatan muzik telah dilaksanakan melalui:

- (a) aktiviti nyanyian seperti menyanyi lagu-lagu patriotik dan karya-karya muzik tempatan dan
- (b) memainkan alat-alat muzik tradisional dan klasikal

Kesemua aktiviti ini bukan sahaja dapat membangkitkan perasaan patriotik dan semangat cintakan tanah air tetapi juga boleh mempertingkatkan kreativiti dan memperkayakan kehidupan seseorang. Aktiviti muzik sudah kian lama menyerikan kehidupan di maktab perguruan, sama ada sebagai kegiatan di luar kurikulum atau dijalankan sebagai program formal. Berikut adalah kronologi perkembangan pendidikan muzik di MPBL (rujuk kepada Jadual I)

Pada tahun 1996, Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) telah dilancarkan untuk menggantikan Sijil Perguruan Guru. Kurikulum KDPM hanya menawarkan muzik kepada guru pelatih yang berpengkhurusan muzik sahaja. Ini bermaksud hanya 20-30 orang guru pelatih dalam setiap maktab yang berpeluang belajar muzik. Pada tahun 2001 pula, pendidikan muzik elektif telah di tawarkan kepada beberapa kumpulan guru pelatih yang memilihnya. Tawaran muzik elektif ini telah menambahkan bilangan guru pelatih untuk belajar muzik tetapi malangnya masih terdapat segolongan besar guru pelatih yang terkecuali walaupun berminat muzik.

Jadual 1: Aktiviti/Program Muzik Di Maktab Perguruan Batu Lintang

Tahun	Aktiviti/Program Muzik Di Maktab
1948-1950	Aktiviti muzik seperti koir, permainan rekoder dan harmonika dalam persatuan muzik.
1950-1990	Muzik sebagai mata pelajaran penyuburan diri ditawarkan kepada semua guru pelatih maktab. (1 jam seminggu)
1968-1980	Pendidikan pengkhurusan muzik Pengajian Sekolah Menengah (PSM) ditawarkan.
1985-1995	Pendidikan muzik elektif Pengajian Sekolah Rendah (PSR) ditawarkan (2 jam seminggu)
1996-	Pendidikan pengkhurusan muzik di peringkat diploma ditawarkan.
2001-	Pendidikan muzik elektif ditawarkan semula (2 jam seminggu)

Menurut Falsafah Pendidikan Negara (FPN), pendidikan harus memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dari segi intelek, rohani dan jasmani. Penglibatan pelajar dalam kegiatan muzik akan memelihara aspek perasaan, kreativiti, nilai estetika, memperkembangkan kecerdasan mental, psikomotor dan nilai sosiolisasi. Untuk memenuhi hasrat FPN, muzik telah diwajibkan kepada semua murid sekolah rendah pada tahun 1983 sehingga sekarang dan banyak sekolah menengah juga telah menawarkannya. Persoalan yang timbul di sini ialah, “Perlukah pihak maktab perguruan mengikut jejak kaki sekolah rendah untuk mewajibkan pendidikan muzik kepada semua pelajar?”

Keperluan Kajian

Kemajuan sesebuah negara boleh dilihat dari perkembangan seni budayanya dimana muzik merupakan salah satu komponen utama untuk menentukan sejauh mana tamadun negara itu telah berkembang. Dalam kurikulum Perguruan Asas lama, muzik telah ditawarkan sebagai mata pelajaran penyuburan diri kepada semua kumpulan. Amalan ini telah digugurkan pada tahun 1994 dan kini muzik hanya ditawarkan sebagai mata pelajaran pilihan (elektif atau pengkhurusan) sahaja. Ia bermakna hanya sebilangan kecil guru pelatih maktab yang berpeluang belajar muzik dan seterusnya bilangan yang dapat melibatkan diri dalam aktiviti muzikal seperti drama muzikal, dramatari, ensemble dan sebagainya adalah amat kecil. Pada masa ini masalah kekurangan tenaga pengajar

pendidikan muzik amat ketara di sekolah. Didapati sebilangan besar guru bukan beropsyen muzik telah ditugaskan untuk mengajar muzik di sekolah. Jadi kajian ini amat diperlukan untuk menyedarkan pihak penggubal polisi kurikulum pendidikan di negara kita tentang kepentingan muzik sebagai satu mata pelajaran wajib di maktab-maktab perguruan, memandangkan dapatan-dapatan kajian ini adalah dari bakal guru-guru sendiri.

Pernyataan Masalah

Untuk mengimplementasi program muzik dengan jayanya di maktab perguruan, adalah penting untuk mengetahui persepsi guru-guru pelatih beropsyen muzik terhadap:

- (a) kepentingan muzik; dan
- (b) minat mereka terhadap muzik

Ini adalah kerana kegagalan untuk mengenalpasti dan mengatasi tanggapan negatif terhadap mata pelajaran muzik boleh mengakibatkan kegagalan program muzik di maktab. Di samping ini, tidak terdapat banyak maklumat tentang:

- (a) tahap minat guru-guru pelatih bukan beropsyen muzik terhadap muzik, dan
- (b) pandangan mereka tentang muzik sebagai satu mata pelajaran wajib di maktab perguruan

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau:

- (a) Persepsi guru pelatih KDPM semester dua yang beropsyen muzik di Maktab Perguruan Batu Lintang tentang kepentingan muzik sebagai mata pelajaran wajib dalam Kurikulum Pendidikan Guru.
- (b) Sejauh manakah guru pelatih KDPM semester dua yang beropsyen dan bukan beropsyen muzik bersetuju bahawa muzik harus dijadikan satu mata pelajaran wajib di maktab.

- (c) Tahap minat guru pelatih KDPM semester dua yang beropsyen dan bukan beropsyen muzik terhadap muzik.

Soalan-Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian ini adalah seperti berikut:

- (a) Apakah persepsi guru pelatih KDPM semester dua beropsyen muzik terhadap kepentingan muzik sebagai satu mata pelajaran wajib dalam Kurikulum Pendidikan Guru?
- (b) Sejauh manakah guru pelatih KDPM semester dua beropsyen muzik dan bukan beropsyen muzik bersetuju bahawa muzik harus dijadikan satu mata pelajaran wajib di maktab.
- (c) Berapa peratusan guru pelatih KDPM semester dua yang beropsyen muzik dan bukan beropsyen muzik berminat muzik dan sebab-sebab utama mereka meminatinya

Kesignifikanan Kajian

Faedah kajian ini memang tidak dapat dinafikan. Di antaranya termasuklah:

- (a) Kajian ini dapat memberi maklumbalas kepada para pensyarah muzik Maktab Perguruan Batu Lintang mengenai persepsi guru pelatih KDPM semester dua beropsyen muzik tentang kepentingan muzik sebagai mata pelajaran wajib dalam Kurikulum Pendidikan Guru.
- (b) Menyedarkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia tentang tahap minat dan pandangan warga bakal guru sendiri terhadap menjadikan mata pelajaran muzik sebagai mata pelajaran wajib di maktab-maktab perguruan di Malaysia.

Definisi Istilah Dan Singkatan

- (a) Mengikut definisi Kamus Dewan Bahasa dan Pusaka, perkataan *kepentingan* bermaksud “*perihal penting, keperluan dan mustahak.*” Kepentingan muzik dalam kajian ini merujuk kepada kepentingan atau keperluan mempelajari muzik sebagai satu mata pelajaran di maktab. *Kepentingan* yang digunakan dalam kajian

ini juga merujuk kepada pelbagai feadah yang guru pelatih boleh perolehi selepas mempelajari muzik di maktab.

- (b) Guru Pelatih Beropsyen Muzik: Guru pelatih maktab perguruan yang belajar matapelajaran muzik sebagai matapelajaran muzik pengkhususan (sekurang-kurangnya 6 jam waktu muzik seminggu) atau sebagai matapelajaran muzik elektif (2 jam waktu muzik seminggu).
- (c) Guru Pelatih Bukan Beropsyen Muzik: Guru pelatih maktab perguruan yang tidak ditawarkan mata pelajaran muzik

Batasan Kajian

Dapatan kajian ini hanya dianggap benar bagi guru-guru pelatih KDPM semester dua beropsyen muzik dan bukan beropsyen muzik di Maktab Perguruan Batu Lintang. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada guru-guru pelatih di maktab-maktab perguruan lain di Malaysia.

TINJAUAN PENULISAN

Pengaruh Muzik Dalam Pembentukan Akhlak Manusia

Mengikut pendapat para ahli antropologi, semua tamadun dan kelompok manusia sepanjang zaman telah menghayati dan mengamalkan aktiviti-aktiviti muzik. Orang-orang Yunani purba percaya melalui pelbagai aktiviti dan latihan muzik, jimmastik serta peraturan, individu-individu yang berakhlak mulia boleh dihasilkan. Plato (dalam bukunya *Republic*) juga berpendapat bahawa sahsiah seseorang itu amat dipengaruhi oleh seni halus seperti muzik, sastera dan lukisan. Dengan ini akhlak seseorang itu boleh diperbaiki jika beliau didedahkan kepada muzik, bidang seni yang lain dan juga acara jimmastik yang sesuai. Aristotle (dalam bukunya *Politics*) pula mengatakan bahawa muzik boleh mempengaruhi niat manusia. Mengikut beliau, jika seseorang itu mendengar muzik yang menggambarkan sesuatu sifat manusia seperti kelembutan, kemarahan, keberanian, ketabahan hati, atau sifat-sifat yang sebaliknya, individu berkenaan akan memperlihatkan sifat-sifat berkenaan dalam perwatakannya. Ini bermakna peribadi seseorang itu boleh diperbaiki atau dirosakkan berdasarkan jenis muzik yang didengarnya.

Kepentingan Muzik Dalam Kehidupan Manusia

Dalam buku “Pendidikan Muzik Semasa” (Johami Abdullah, 1993), Lowell Manson, seorang tokoh pendidikan muzik yang pernah digelar “Bapa Pendidikan Muzik” di Amerika berpendapat bahawa semua pelajar boleh menyanyi dan berhak untuk mempelajari muzik. Beliau juga telah berhujah bahawa muzik boleh membawa banyak kebaikan kepada individu. Muzik mempunyai potensi untuk membantu seseorang individu:

- (a) menyedari keesaan Tuhan dengan lebih mudah
- (b) mendapat dan merasai ketenangan jiwa di paras yang lebih tinggi.
- (c) menjadi warganegara yang lebih gembira dan harmoni.

Dalam buku “The Kodaly Method I: Comprehensive Music Education Third Edition: (Choksy, 1999, p. 17), Professor Zoltan Kodaly, seorang tokoh pendidikan muzik mengatakan, “Muzik kepunyaan manusia dan literasi muzik harus dijadikan hak asasi semua rakyat dunia”. Di bawah kepimpinan beliau, para pendidik muzik Hungary telah memperkembangkan suatu sistem pendidikan muzik yang begitu berkesan sehingga semua rakyat Hungary adalah dianggap sebagai “*music literate*” dan mereka boleh memainkan sekurang-kurangnya sejenis alat muzik atau dapat menyanyi dalam koir (dengan membaca notasi muzik). Pada masa kini, ahli muzik dari pelbagai negara di benua Amerika, Eropah dan Asia termasuk Malaysia sendiri telah mengkaji “kaedah Kodaly” dan cuba mengimplementasikannya di negara mereka sendiri. Selain daripada ini, beberapa kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat (Begley, 2000), telah menunjukkan bahawa pembelajaran muzik boleh meningkatkan pencapaian pelajar dalam bidang lain. Contohnya, kajian Shaw, Irvine dan Rausher (1977) telah menunjukkan bahawa pembelajaran muzik akan menolong pelajar dalam bidang matematik. Subjek kajian ini yang terdiri daripada murid gred 2 dan 3 di sekolah rendah telah di beri latihan matematik dalam bentuk permainan video dan mereka dibahagikan ke dalam tiga kumpulan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Kumpulan Subjek Kajian Shaw, Irvine Dan Rausher (1977)

Kumpulan	Tindakan
Kumpulan A (26 orang)	Diberikan bimbingan khas dalam Muzik.
Kumpulan B (29 orang)	Diberikan bimbingan khas dalam Bahasa Inggeris
Kumpulan C (28 orang)	Diberikan bimbingan khas dalam mana-mana bidang.

Selepas 4 bulan, ketiga-tiga kumpulan ini telah diberikan satu ujian matematik (tajuk: nisbah dan pecahan) dan didapati bahawa skor Kumpulan A adalah 15-41% lebih tinggi

daripada kumpulan-kumpulan lain. Dicadangkan bahawa perkaitan antara pembelajaran muzik dan pencapaian matematik mungkin terhasil kerana muzik melibatkan aplikasi konsep-konsep asas matematik seperti kekadaran, nisbah dan sekuens. Dapatan kajian ini telah disokong oleh dapatan kajian-kajian lain, termasuk kajian Martin Gardiner (Begley, 2000).

Kajian Gottfried Schlaug (Begley, 2000) pula telah menunjukkan bahawa muzik boleh mempengaruhi perkembangan otak manusia secara spesifik iaitu bahagian corpus callosum. Corpus callosum ialah bahagian hadapan otak yang menyambungkan hemisfera kiri dan kanan otak manusia. Ia juga menyambung kedua-dua belah "*pre-motor cortex*" dimana gerakan dirancang sebelum dilakukan. Kajian Schlaug merujuk kepada dua kumpulan peserta iaitu 30 ahli muzik (pemain alat bertali dan pianis) dan 30 orang yang bukan ahli muzik. Didapati bahawa corpus callosum kumpulan "ahli muzik" adalah lebih besar daripada kumpulan "bukan ahli muzik". Dicadangkan bahawa ini mungkin disebabkan:

- (a) muzik memerlukan "input" daripada kedua-duanya otak kiri (pemikiran kognitif) dan otak kanan (emosi);
- (b) muzik memerlukan koordinasi gerakan tangan yang amat cepat.

Choksy (1988) dalam bukunya "*Teaching Music Effectively In The Elementary School*" telah menyenaraikan lima sebab utama kepentingan muzik dalam kurikulum pendidikan iaitu:

- (a) *Muzik sebagai hiburan, rekreasi dan pemberi pengalaman yang berbeza.* Seseorang dewasa yang menerima pendidikan muzik bermutu akan menikmati muzik dengan lebih meluas dan menyeluruh berbanding dengan orang yang tidak di berikan peluang ini.
- (b) *Muzik sebagai kerjaya.* Seseorang yang didedahkan muzik formal boleh menceburi pelbagai bidang muzik seperti penciptaan, pengajaran, persembahan dan lain-lain.
- (c) *Muzik dan pendidikan yang holistik.* Pendidikan muzik mengembangkan otak kiri dan kanan. Dr. Joan Macleod (Choksy, 1988) menunjukkan bahawa "*all experience is thought and that every thought can be made visual through symbols*" Beliau menyenaraikan sistem simbol ke dalam lima kategori iaitu perkataan, nombor, gerak isyarat, imej dan bunyi. Kebanyakan pendidikan mementingkan perkataan dan nombor dan mengabaikan simbol gerak isyarat, imej dan bunyi. Pendidikan yang mengabaikannya boleh dianggap sebagai tidak sempurna. Sekolah harus menolong mengembangkan kemahiran dalam semua sistem simbol itu.
- (d) *Muzik sebagai pengaruh sosial.* Pendidikan sendiri melalui komputer menjejaskan pergaulan dan perkembangan sosial manusia. Mata pelajaran muzik memperkembangkan kemahiran sosial.

- (e) *Muzik sebagai penyentuh perasaan dan pemberi pengalaman estetik. Muzik memberi ruang kepada seseorang mengeluarkan perasaan dan membangkitkan semangat.*

Dari sini, kepentingan muzik tidak dapat dinafikan lagi. Ini dapat digambarkan dari surat yang di tulis oleh Presiden Amerika Syarikat yang kedua, John Adam (1841) kepada isterinya iaitu:

I must study politics and war, that my sons may have the liberty to study mathematics and philosophy, geography, natural history and naval architecture, in order to give their children a right to study painting, poetry, music, architecture, statuary, tapestry and porcelain

(Adams, 1841)

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian

Kajian tinjauan ini menggunakan instrumen borang soal selidik yang mengandungi soalan berbentuk Skala Likert dan jenis terbuka. Ia bertujuan untuk meninjau minat dan persepsi guru pelatih KDPM semester dua tentang kepentingan muzik sebagai suatu mata pelajaran wajib di maktab.

Kajian rintis ke atas sekumpulan guru pelatih beropsyen muzik telah dibuat bagi memurnikan alat kajian. Tujuan kajian rintis ialah untuk:

- (a) Mengenalpasti masalah berhubung pemahaman dan interpretasi terhadap soalan-soalan soal selidik.
- (b) Membaiki item-item soalan yang kurang jelas atau mengelirukan.

Pembolehubah kajian adalah seperti dalam Jadual 3

Jadual 3: Pembolehubah Kajian

Pembolehubah demografik	Pembolehubah kajian
Guru pelatih beropsyen muzik semester 2.	Kepentingan muzik.
Guru pelatih berelektif muzik	Minat terhadap muzik.

semester 2.

Guru pelatih bukan beropsyen
muzik
semester 2.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang berbentuk borang soal selidik ini dirangka untuk mendapat:

- (a) butiran demografi
- (b) pandangan guru pelatih semester dua samada mata pelajaran muzik harus diwajibkan di maktab
- (c) gambaran tahap minat guru pelatih semester dua terhadap muzik
- (d) pandangan guru pelatih beropsyen muzik semester dua tentang kepentingan muzik sebagai mata pelajaran wajib di maktab

Terdapat 2 set borang soal selidik yang berbeza iaitu:

Set A (Lampiran 1) - dijawab oleh guru pelatih semester dua beropsyen muzik (pengkhususan dan elektif muzik) di mana mereka perlu menjawab lapan soalan berskala Likert dan soalan terbuka.

Set B (Lampiran 2) - dijawab oleh guru pelatih semester dua yang bukan beropsyen muzik di mana mereka perlu menjawab dua soalan terbuka sahaja.

Item-item kajian ini digubal supaya ia selaras dengan keesahan kandungan yang ingin dikaji. Ia telah dikaji dan dipersetujui oleh tiga orang pensyarah muzik maktab ini. Untuk menilai kebolehpercayaan soal selidik ini, koefisien Alpha Cronbach telah ditentukan. Nilai kebolehpercayaan yang diperolehi untuk soalselidik ini ialah 0.88 iaitu pada paras yang boleh diterima. Maka, soal selidik ini telah digunakan untuk tujuan melihat persepsi guru pelatih beropsyen muzik terhadap kepentingan muzik sebagai mata pelajaran yang wajib dalam Kurikulum Pendidikan Guru.

Persampelan

Kajian persampelan data telah dijalankan pada 24 September, 2001. Subjek kajian ini terdiri daripada guru pelatih kursus Diploma Pendidikan Guru semester dua yang beropsyen muzik (pengkhususan dan berelektif muzik) dan bukan beropsyen muzik di Maktab Perguruan Batu Lintang. Disebabkan bilangan guru pelatih beropsyen dan bukan beropsyen muzik adalah tidak berapa ramai maka keseluruhan populasinya diambil (Jadual 4)

Jadual 4: Kumpulan Persampelan Semester Dua

Kumpulan	Bilangan
DPM beropsyen muzik	
MU/PM Sem. 2 (pengkhususan muzik)	14
PC/SN Sem. 2 (elektif muzik)	25
PI/RD Sem 2 (elektif muzik)	21
Jumlah persampelan beropsyen muzik	60

DPM bukan beropsyen muzik

PC/PS Sem. 2	27
PC/MT Sem. 2.	31
MT/KT Sem. 2.	25
Jumlah persampelan bukan beropsyen muzik	83

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Aspek Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kepentingan Muzik

Untuk menjawab soalan kajian pertama iaitu: “Apakah persepsi guru pelatih KDPM semester dua beropsyen muzik terhadap kepentingan muzik sebagai satu mata pelajaran wajib dalam Kurikulum Pendidikan Guru?”, dapatan kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Bilangan Dan Peratusan Persepsi Guru Pelatih Pengkhususan Muzik Mengikut Item Tentang Kepentingan Muzik. (N=14)

Bi l	Item	STS	TS	TP	S	SS
1	Pendidikan muzik merupakan suatu hak asasi manusia, setaraf dengan hak membaca dan menulis.		1 (7.14)		4 (28.57)	9 (64.29)
2	Pendidikan muzik di maktab akan menjadikan guru pelatih lebih yakin sebagai guru muzik pada masa akan datang.		1 (7.14)		3 (21.43)	10 (71.43)
3	Pendidikan muzik penting kerana ia dapat memupuk semangat berkerjasama dalam aktiviti muzik.				11 (78.57)	3 (21.43)
4	Pendidikan muzik boleh memperkayakan Kurikulum Pendidikan Guru ke arah pembinaan insan secara menyeluruh.			1 (7.14)	7 (50.00)	6 (42.86)
5	Pendidikan muzik di maktab boleh membantu guru pelatih menjadi lebih aktif dalam majlis-majlis kemasyarakatan.			2 (14.29)	4 (28.58)	8 (57.14)
6	Pendidikan Muzik boleh diterapkan merentasi kurikulum dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.			1 (7.14)	6 (42.86)	7 (50.00)
7	Aktiviti muzik dapat mengembangkan kreativiti dan daya inovatif guru pelatih.		1 (7.14)	1 (7.14)	6 (42.86)	6 (42.86)
8	Pendidikan muzik dapat menerapkan semangat patriotik dalam sanubari guru pelatih.			3 (21.43)	8 (57.14)	3 (21.43)

Nota: (%) Peratusan adalah dalam kurungan

STS = Sangat tidak setuju
 TS = Tidak setuju
 TP = Tidak pasti
 S = Setuju
 SS = Sangat setuju

Dari Jadual 5, susunan urutan tentang kepentingan muzik mengikut peringkat setuju dan sangat bersetuju adalah ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Susunan Urutan Item Kepentingan Muzik Mengikut Bilangan dan Peratusan Bagi Kumpulan Berpengkhususan Muzik (N=14)

No. Item	Item	Bilangan dan Peratusan Yang Setuju dan Sangat Setuju
3	Pendidikan muzik penting kerana ia dapat memupuk semangat berkerjasama dalam aktiviti muzik.	14 (100)
1	Pendidikan muzik merupakan suatu hak asasi manusia, setaraf dengan hak membaca dan menulis.	13 (92.86)
2	Pendidikan muzik di maktab akan menjadikan guru pelatih lebih yakin sebagai guru muzik pada masa akan datang.	13 (92.86)
4	Pendidikan muzik boleh memperkayakan Kurikulum Pendidikan Guru ke arah pembinaan insan secara menyeluruh.	13 (92.86)
6	Pendidikan Muzik boleh diterapkan merentasi kurikulum dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.	13 (92.86)
5	Pendidikan muzik di maktab boleh membantu guru pelatih menjadi lebih aktif dalam majlis-majlis kemasyarakatan.	12 (85.71)
7	Aktiviti muzik dapat mengembangkan kreativiti dan daya inovatif guru pelatih.	12 (85.71)
8	Pendidikan muzik dapat menerapkan semangat patriotik dalam sanubari guru pelatih.	11 (78.57)

Nota: (%) Peratusan adalah dalam kurungan

Jadual 6 di atas menunjukkan Item 3 mendapat persetujuan bersepadu (100%) dari semua guru pelatih berpengkhususan muzik. Ini bermakna kesemua mereka percaya pendidikan muzik dapat memupuk semangat berkerjasama dalam aktiviti muzik. Juga didapati item-item 1, 2, 4, dan 6 mendapat persetujuan yang tinggi iaitu 92.86% daripada mereka. Item 8 mendapat persetujuan paling kurang iaitu 78.57% daripada mereka. Pada keseluruhannya peratusan skor dalam Jadual 6 menunjukkan kelapan-lapan item mendapat persetujuan yang tinggi itu melebihi 78.50% daripada guru-guru pelatih KDPM semester dua berpengkhususan muzik. Bagi persepsi guru pelatih berelektif muzik pula, dapatannya adalah seperti berikut dalam Jadual 7.

Jadual 7: Bilangan Dan Peratusan Persepsi Guru Pelatih Berelektif Muzik mengikut Item Tentang Kepentingan Muzik (N=46)

Bil	Item	STS	TS	TP	S	SS
1	Pendidikan muzik merupakan suatu hak asasi manusia, setaraf dengan hak membaca dan menulis.		2 (4.35)	3 (6.52)	28 (60.87)	13 (28.26)

2	Pendidikan muzik di maktab akan menjadikan guru pelatih lebih yakin sebagai guru muzik pada masa akan datang.	1 (2.17)	2 (4.35)	19 (41.31)	24 (52.17)
3	Pendidikan muzik penting kerana ia dapat memupuk semangat berkerjasama dalam aktiviti muzik.	1 (2.17)	4 (8.70)	25 (54.35)	16 (34.78)
4	Pendidikan muzik boleh memperkayakan Kurikulum Pendidikan Guru ke arah pembinaan insan secara menyeluruh.	1 (2.17)	6 (13.04)	27 (58.70)	12 (26.09)
5	Pendidikan muzik di maktab boleh membantu guru pelatih menjadi lebih aktif dalam majlis-majlis kemasyarakatan.	2 (4.35)	5 (10.87)	25 (54.35)	14 (30.43)
6	Pendidikan muzik boleh diterapkan merentasi kurikulum dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.	1 (2.17)	4 (8.70)	24 (52.17)	17 (36.96)
7	Aktiviti muzik dapat mengembangkan kreativiti dan daya inovatif guru pelatih.		7 (15.22)	22 (47.83)	17 (36.96)
8	Pendidikan muzik dapat menerapkan semangat patriotik dalam sanubari guru pelatih.	1 (2.17)	9 (19.57)	22 (47.83)	14 (30.43)

Nota: (%) peratusan adalah dalam kurungan
 STS = Sangat tidak setuju
 TS = Tidak setuju
 TP = Tidak pasti
 S = Setuju
 SS = Sangat setuju

Dari Jadual 7 di atas, di dapati susunan urutan tentang kepentingan muzik mengikut peringkat setuju dan sangat setuju adalah seperti berikut dalam Jadual 8.

Jadual 8 :Susunan Urutan Item Kepentingan Muzik Mengikut Bilangan dan Peratusan Bagi Kumpulan Berelektif Muzik (N=46)

No. Item	Item	Bilangan dan Peratusan Yang Setuju dan Sangat Setuju
2	Pendidikan muzik di maktab akan menjadikan guru pelatih lebih yakin sebagai guru muzik pada masa akan datang.	43 (93.48)

1	Pendidikan muzik merupakan suatu hak asasi manusia, setaraf dengan hak membaca dan menulis.	41 (89.13)
3	Pendidikan muzik penting kerana ia dapat memupuk semangat berkerjasama dalam aktiviti muzik.	41 (89.13)
6	Pendidikan Muzik boleh diterapkan merentasi kurikulum dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.	41 (89.13)
4	Pendidikan muzik boleh memperkayakan Kurikulum Pendidikan Guru ke arah pembinaan insan secara menyeluruh.	39 (84.78)
5	Pendidikan muzik di maktab boleh membantu guru pelatih menjadi lebih aktif dalam majlis-majlis kemasyarakatan.	39 (84.78)
7	Aktiviti muzik dapat mengembangkan kreativiti dan daya inovatif guru pelatih.	39 (84.78)
8	Pendidikan muzik dapat menerapkan semangat patriotik dalam sanubari guru pelatih.	36 (78.26)

Nota: (%) peratusan adalah dalam kurungan.

Jadual 8 diatas menunjukkan Item 2 mendapat persetujuan paling tinggi (93.48%) daripada guru pelatih berelektif muzik. Ini bermakna mereka percaya pendidikan muzik di maktab akan menjadikan guru pelatih lebih yakin sebagai guru muzik pada masa akan datang. Juga didapati item-item 1, 3, dan 6 mendapat persetujuan yang tinggi (89.13%) daripada mereka. Item 8 mendapat persetujuan paling kurang (78.26%) daripada guru pelatih berelektif muzik. Peratusan skor Jadual 8 menunjukkan kelapan-lapan item mendapat persetujuan yang tinggi iaitu melebihi 78.0%. Dari Jadual 6 dan Jadual 8 diatas didapati kesemua item tentang kepentingan muzik mendapat persetujuan yang tinggi (melebihi 78.0%) dari semua guru pelatih beropsyen muzik.

Secara keseluruhan, susunan urutan tentang kepentingan muzik mengikut peringkat setuju dan sangat bersetuju bagi kesemua guru pelatih KDPM semester dua beropsyen muzik adalah seperti berikut (Jadual 9):

Jadual 9: Susunan Urutan Kepentingan Muzik Mengikut Bilangan dan Peratusan Bagi Kumpulan Beropsyen Muzik ($N=60$)

No. Item	Item	Bilangan dan Peratusan Yang Setuju dan Sangat Setuju
2	Pendidikan muzik di maktab akan menjadikan guru pelatih lebih yakin sebagai guru muzik pada masa akan datang.	56 (93.33)

3	Pendidikan muzik penting kerana ia dapat memupuk semangat berkerjasama dalam aktiviti muzik.	55 (91.67)
1	Pendidikan muzik merupakan suatu hak asasi manusia, setaraf dengan hak membaca dan menulis.	54 (90.00)
6	Pendidikan muzik boleh diterapkan merentasi kurikulum dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.	54 (90.00)
4	Pendidikan muzik boleh memperkayakan Kurikulum Pendidikan Guru ke arah pembinaan insan secara menyeluruh.	52 (86.67)
5	Pendidikan muzik di maktab boleh membantu guru pelatih menjadi lebih aktif dalam majlis-majlis kemasyarakatan.	51 (85.00)
7	Aktiviti muzik dapat mengembangkan kreativiti dan daya inovatif guru pelatih.	51 (85.00)
8	Pendidikan muzik dapat menerapkan semangat patriotik dalam sanubari guru pelatih.	47 (78.33)

Nota: (%) peratusan adalah dalam kurungan

Dari dapatan kajian ini, dua kepentingan utama pendidikan muzik bagi guru pelatih beropsyen muzik adalah:

- (a) ia boleh menjadikan guru pelatih lebih yakin sebagai guru muzik pada masa depan (93.33%) dan
- (b) ia dapat memupuk semangat bekerjasama dalam aktiviti muzik (91.67%)

Muzik Sebagai Mata Pelajaran Wajib

Untuk menjawab soalan kajian kedua iaitu “Sejauh manakah guru pelatih KDPM semester dua beropsyen dan bukan beropsyen muzik bersetuju bahawa muzik harus dijadikan satu mata pelajaran wajib di maktab?”, dapatan kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10: Peratusan Responden Beropsyen Muzik dan Bukan Beropsyen Muzik Serta Secara Keseluruhan Yang Bersetuju Muzik Harus Diwajibkan Kepada Semua Guru Pelatih

Kumpulan	Peratusan Bersetuju	Peratusan Tidak Bersetuju	Jumlah Persampelan
Bukan Beropsyen Muzik			
PC/PS S2	21 (77.78%)	6 (22.22%)	27
PC/MTS2	25 (80.65%)	6 (19.35%)	31
MT/KTS2	7 (28.00%)	18 (72.00%)	25
Jumlah	53 (63.86 %)	30 (36.14%)	83
Beropsyen Muzik			
PC/SNS2	24 (96.00%)	1 (4.00%)	25
PI/RDS2	19 (90.48%)	2 (9.52%)	21
MU/PMS2	12 (85.71%)	2 (14.29%)	14
Jumlah	55 (91.67%)	5 (8.33%)	60
Semua Kumpulan Semester 2 (Beropsyen dan Bukan Beropsyen Muzik)			
Jumlah	108 (75.53%)	35 (24.47%)	143

Jadual 10 di atas menunjukkan bahawa 55 (91.67%) guru pelatih dari kumpulan beropsyen muzik bersetuju bahawa muzik harus diwajibkan kepada semua guru pelatih maktab. Ia juga menunjukkan bahawa 53 (63.86%) guru pelatih dari kumpulan bukan beropsyen muzik bersetuju dengan kenyataan ini. Secara keseluruhannya 108 (75.52%) guru pelatih KDPM semester dua bersetuju bahawa muzik harus dijadikan mata pelajaran wajib di maktab perguruan.

Lima sebab utama yang diberi oleh guru pelatih beropsyen dan bukan beropsyen muzik tentang persetujuan muzik harus diwajibkan kepada semua guru pelatih adalah seperti dalam Jadual 11 dan 12.

Jadual 11: Kekerapan dan Peratusan Sebab-Sebab Utama Kumpulan Beropsyen Muzik Bersetuju Mata Pelajaran Muzik Diwajibkan (N=50)

Bil	Sebab-Sebab Bersetuju	Kekerapan (Peratusan)
------------	------------------------------	------------------------------

1	Ia memberi pengetahuan asas muzik kepada guru pelatih dan membolehkan mereka lebih bersedia jika disuruh mengajar muzik kelak.	22 (40.00)
2	Ia dapat membantu memperkayakan kurikulum dan menyediakan guru pelatih yang mahir dalam pelbagai bidang	11 (20.00)
3	Muzik merentasi kurikulum. Pendidikan muzik dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek lain supaya murid-murid tidak rasa bosan.	9 (16.36)
4	Ia lebih adil, kerana semua orang berhak mempelajari muzik di maktab.	5 (9.09)
5	Ia dapat mencungkil bakat dan mengembangkan kreativiti.	4 (7.27)
6	Lain-lain sebab	4 (7.27)

Jadual 12: Kekekapan Dan Peratusan Sebab-Sebab Utama Kumpulan Bukan Beropsyen Muzik Bersetuju Mata Pelajaran Muzik Diwajibkan ($N=53$)

Bil	Sebab-Sebab Bersetuju	Kekekapan (Peratusan)
1	Ia memberi pengetahuan asas muzik kepada guru pelatih dan membolehkan mereka lebih bersedia jika disuruh mengajar muzik kelak.	26 (49.06)
2	Ia lebih adil kerana semua orang berhak mempelajari muzik di maktab.	10 (18.87)
3	Ia dapat mencungkil bakat, mengembangkan kreativiti dan melahirkan guru pelatih yang mahir dalam pelbagai bidang.	7 (13.20)
4	Ia merupakan satu mata pelajaran yang menyeronokan, dapat tenangkan fikiran dan membantu memperkayakan kurikulum.	5 (9.43)
5	Muzik merentasi kurikulum. Pendidikan muzik dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek lain kelas supaya murid tidak rasa bosan.	4 (7.55)
6	Lain-lain sebab	1 (1.89)

Nota: (%) Peratusan adalah dalam kurungan

Jadual 11 dan Jadual 12 menunjukkan 40.00% guru pelatih beropsyen muzik dan 49.06% guru pelatih bukan beropsyen muzik berpendapat bahawa pengajaran muzik memberi pengetahuan asas kepada guru pelatih dan membolehkan mereka lebih bersedia jika

disuruh mengajar muzik kelak. Ini adalah alasan utama mereka mengapa muzik harus diwajibkan di maktab perguruan.

Didapati hanya 5 orang (8.33%) dari kumpulan yang beropsyen muzik (Jadual 10) berpendapat bahawa mata pelajaran muzik tidak harus diwajibkan kepada semua guru pelatih di maktab. Sebab-sebab utama yang diberikan adalah tidak semua guru pelatih berminat muzik dan bagi yang tidak berminat, ia merupakan satu tekanan dan seksaan.

Bagi kumpulan yang bukan beropsyen muzik pula, 30 orang (36.14%) berpendapat bahawa pendidikan muzik tidak harus diwajibkan kepada semua guru pelatih di maktab. Sebab-sebab utama yang diberikan oleh guru pelatih bukan beropsyen muzik adalah seperti berikut dalam Jadual 13.

Jadual 13: Kekerapan Dan Peratusan Sebab-Sebab Utama Kumpulan Bukan Beropsyen Muzik Tidak Bersetuju Mata Pelajaran Muzik Diwajibkan ($N=30$)

Bil	Sebab-Sebab Tidak Bersetuju	Kekerapan (Peratusan)
1	Bukan semua guru pelatih suka muzik. Sepatutnya, ia harus berdasarkan pemilihan pelajar itu sendiri.	17 (56.67)
2	Bagi guru pelatih yang tidak mempunyai pengalaman dalam muzik, mereka tidak mungkin dapat menguasainya.	6 (20.0)
3	Semua guru pelatih sangat sibuk dengan subjek sendiri. Penambahan subjek baru akan membebankan guru pelatih.	4 (13.33)
4	Tidak semua guru pelatih berminat muzik. Bagi yang tidak berminat, ia merupakan satu paksaan dan seksaan.	2 (6.67)
5	Tidak semua guru pelatih sanggup mengikuti pendidikan muzik dan ramai tidak mampu membeli alat muzik yang mahal.	1 (3.33)

Nota: (%) Peratusan adalah dalam kurungan

Jadual 13 menunjukkan 17 (56.67%) orang guru pelatih bukan beropsyen muzik tidak bersetuju bahawa muzik harus diwajibkan kerana bukan semua guru pelatih suka muzik dan ia harus berdasarkan pemilihan pelajar itu sendiri. Terdapat 6 (20.00%) orang guru pelatih berpendapat bahawa bagi guru pelatih yang tidak mempunyai pengalaman dalam muzik, mereka tidak mungkin dapat menguasainya.

Minat Guru Pelatih Terhadap Muzik

Untuk menjawab soalan kajian yang ketiga, iaitu “Berapa peratusan guru pelatih KDPM semester dua beropsyen dan bukan beropsyen muzik berminat muzik dan sebab-sebab utama mereka meminatinya?”, dapatan kajian adalah seperti ditunjukkan pada Jadual 14.

Jadual 4.10 : Bilangan dan Peratusan Responden Beropsyen Muzik Dan Bukan beropsyen Muzik Serta Secara Keseluruhan Yang Berminat Terhadap Muzik.

Kumpulan	Peratusan Bersetuju	Peratusan Tidak Bersetuju	Jumlah Persampelan
Bukan Beropsyen Muzik			
PC/PS S2	24 (88.89%)	3 (11.11%)	27
PC/MTS2	26 (85.87%)	5 (16.13%)	31
MT/KTS2	18 (72.00%)	7 (28.00%)	25
Jumlah	68 (81.93%)	15 (18.07%)	83
Beropsyen Muzik			
PC/SNS2	24 (96.00%)	1 (4.00%)	25
PI/RDS2	20 (92.24%)	1 (4.76%)	21
MU/PMS2	14 (100%)	0 (0%)	14
Jumlah	58 (96.67%)	2 (3.33%)	60
Semua Kumpulan Semester 2 (Beropsyen dan Bukan Beropsyen Muzik)			
Jumlah	126 (88.11%)	17 (11.89%)	143

Jadual 14 diatas menunjukkan bahawa 58 (96.67%) orang guru pelatih beropsyen muzik dan 68 (81.93%) guru pelatih bukan beropsyen muzik berminat pada muzik. Secara keseluruhannya 126 (88.11%) guru pelatih KDPM semester dua meminati muzik.

Lima sebab utama yang diberi oleh guru pelatih beropsyen dan bukan beropsyen muzik mengapa mereka meminati muzik adalah seperti berikut dalam Jadual 15 dan Jadual 16.

Jadual 15: Kekerapan Dan Peratusan Sebab-Sebab Utama Kumpulan Beropsyen Muzik Tentang Minat Terhadap Muzik (N=58)

Bil	Sebab-Sebab Berminat Muzik	Kekerapan (Peratusan)
1	Muzik boleh menenangkan fikiran dan membolehkan saya mengeluarkan perasaan.	33 (56.90)

2	Muzik melegakan fikiran dan dapat menghilangkan kebosanan.	12 (20.69)
3	Ia sangatlah seronok, dan menghiburkan hati.	4 (6.90)
4	Saya suka menyanyi, menari, bermain alat muzik dan mendengar muzik.	3 (5.17)
5	Ia dapat menghiburkan hati saya apabila saya sedih.	2 (3.45)
6	Lain-lain sebab	4 (6.90)

Nota: (%) Peratusan adalah dalam kurungan

Jadual 16: Kekerapan Dan Peratusan Sebab-Sebab Utama Kumpulan Bukan Beropsyen Muzik Tentang Minat Terhadap Muzik (N=68)

Bil	Sebab-Sebab Berminat Muzik	Kekerapan (Peratusan)
1	Muzik dapat melegakan dan menenangkan fikiran.	28 (41.18)
2	Ia sangatlah seronok dan menghiburkan hati.	22 (32.34)
3	Ia dapat menghiburkan hati saya dan menjadikan kehidupan lebih berwarna-warni.	7 (10.29)
4	Muzik dapat melapangkan minda di samping mengurangkan tekanan jiwa.	5 (7.35)
5	Ia dapat menghiburkan hati saya apabila saya sedih.	2 (2.94)
6	Lain-lain sebab.	4 (5.89)

Nota: (%) Peratusan adalah dalam kurungan

Dari Jadual 15 dan 16 didapati 33 (56.90%) guru pelatih KDPM semester dua beropsyen muzik menyatakan mereka meminati muzik kerana muzik boleh menenangkan fikiran dan membolehkan mereka mengeluarkan perasaan, sedangkan 28 (41.18%) guru pelatih KDPM semester dua bukan beropsyen muzik menyatakan mereka meminati muzik

kerana muzik dapat melegakan dan menenangkan fikiran mereka. Pada keseluruhannya “menenangkan fikiran” merupakan kekunci yang diberi oleh guru pelatih beropsyen dan bukan beropsyen muzik tentang sebab utama mereka meminati muzik.

Selepas menganalisis data, didapati ada dua sebab utama yang diberikan guru pelatih untuk menerangkan mengapa mereka tidak meminati muzik (Jadual 17).

Jadual17: Kekerapan Dan Peratusan Sebab-Sebab Utama Kumpulan Guru Pelatih Beropsyen Dan Bukan Beropsyen Muzik Tentang “Tidak Meminati Muzik”(N=17).

Bil	Sebab-Sebab Utama Tidak Meminati Muzik	Beropsyen Muzik N=2	Bukan Beropsyen Muzik N=15
1	Tidak mempunyai bakat	1 (50%)	8 (53.33%)
2	Tidak suka muzik	1 (50%)	7 (46.67%)

Jadual 17 diatas menunjukkan dua sebab utama mengapa guru pelatih beropsyen dan bukan beropsyen muzik tidak meminati muzik. Terdapat hanya 2 (3.33%) orang guru pelatih KDPM semester dua beropsyen muzik dan 15 (18.07%) orang guru pelatih bukan beropsyen muzik yang tidak meminati muzik. Sebab-sebab utama yang diberikan adalah kerana mereka tidak mempunyai bakat dan juga mereka tidak suka pada muzik.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru pelatih KDPM semester dua beropsyen muzik tentang kepentingan muzik sebagai mata pelajaran wajib dalam Kurikulum Pendidikan Guru. Dari dapatan-dapatan kajian ini, didapati 100% guru pelatih berpengkhususan muzik berpendapat bahawa pendidikan muzik penting kerana ia dapat memupuk semangat berkerjasama dalam aktiviti muzik. Bagi kumpulan berelektif muzik pula, 93.48% guru pelatih berpendapat bahawa muzik penting kerana pendidikan muzik di maktab akan menjadikan guru pelatih lebih yakin sebagai guru muzik pada masa akan datang.

Lantaran dari ini, 91.67 % guru pelatih dari kumpulan beropsyen muzik bersetuju bahawa muzik harus diwajibkan kepada semua guru pelatih maktab. Sebab-sebab utama yang diberikan termasuklah ia dapat memberi pengetahuan asas muzik kepada guru pelatih dan membolehkan mereka lebih bersedia jika disuruh mengajar muzik kelak. Bagi kumpulan bukan beropsyen muzik pula, didapati 36.14% guru pelatih tidak bersetuju pendidikan

muzik harus diwajibkan kepada semua guru pelatih di maktab. Dua sebab utama yang diberikan adalah bukan semua guru pelatih suka muzik dan ia sepatutnya harus berdasarkan pemilihan pelajar itu sendiri.

Mengenai minat guru pelatih terhadap muzik pula, didapati 100% guru pelatih berpengkhususan muzik dan 96.67 % guru pelatih berelektif muzik juga meminati muzik. Dua sebab utama yang diberikan ialah muzik boleh menenangkan fikiran dan membolehkan mereka mengeluarkan perasaan. Bagi guru pelatih bukan beropsyen muzik pula, 81.93% guru pelatih juga meminati muzik. Secara keseluruhannya, didapati hanya 3.33% guru pelatih berelektif muzik dan 18.07% guru pelatih bukan beropsyen muzik tidak meminati muzik.

Hasil dari dapatan-dapatan kajian ini, dua rumusan utama boleh dibuat iaitu:

- (a) Hampir kesemua guru pelatih KDPM semester dua beropsyen muzik (93.33%) sedar yang pendidikan muzik itu penting kerana ia dapat menjadikan guru pelatih lebih yakin sebagai guru muzik pada masa depan.
- (b) Pendidikan muzik tidak harus dijadikan mata pelajaran wajib di maktab-maktab perguruan memandangkan 36.14% guru pelatih KDPM semester dua bukan beropsyen muzik tidak bersetuju dengan cadangan ini. Tambahan pula, 11.89% daripada semua guru pelatih DKPM semester dua tidak meminati muzik. Jadi mereka harus diberi kebebasan untuk memilih tidak mengambil mata pelajaran muzik. Bagaimanapun, mata pelajaran ini harus terus ditawarkan sebagai matapelajaran elektif kepada mana-mana guru pelatih yang meminati muzik.

BIBLIOGRAFI

Abeles, H. F., Hoffer, C. R., & Klotman, R. H. (1984). *Foundations Of Music Education*. New York: Schirmer Books.

Choksy, L. (1981). *The Kodaly Context: Creating An Environment For Music Learning*. New Jersey: Prentice Hall.

Choksy, L. (1986). *Teaching Music In The Twentieth Century*. New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliffs.

Choksy, L. (1988). *Teaching Music Effectively In The Elementary School*. New Jersey: Prentice Hall. p. 3-4

Choksy, L. (1998). *The Kodaly Method*. New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliffs.

Choksy, L. (1999). *The Kodaly Method I: Comprehensive Music Education Third Edition*. New Jersey: Prentice Hall.

Robert, N. E., & Vernice, T. N. (1985) *Music In The Elementary School*. New Jersey: Prentice Hall, Inc., Englewood Cliffs.

Hoffer, M. L., & Hoffer C. R. (1987). *Music In The Elementary Classroom*. Harcourt Brace Jovanovich, Ins.

Johami Abdullah. (1993). *Pendidikan Muzik Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Begley, S. (2000). *Music on the Mind*, Newsweek Magazine, p. 50-52